



PINDAAN AKTA

PENDIDIKAN WAJIB

PENGGAL 211 BERKAITAN UMUR
WAJIB KANAK-KANAK BERSEKOLAH



Akta Pendidikan Wajib Penggal 211, adalah pindaan yang berkaitan dengan umur wajib kanak-kanak bersekolah di negara ini iaitu

DARI ENAM (6) TAHUN KEPADA LIMA (5) TAHUN

Dilaksanakan bagi menjunjung Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam kali Ke-33 Tahun 2023 yang lalu.

Pindaan ini mewajibkan kanak-kanak yang mencapai umur 5 tahun untuk bersekolah, khususnya mereka yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan yang bermastautin di Negara Brunei Darussalam.




Pendidikan awal kanak-kanak merupakan satu keutamaan dan pelaburan yang dianggap oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai usaha mencapai kecemerlangan bagi mewujudkan sebuah negara berpendidikan dan berkemahiran tinggi menjelang tahun 2035.

Maka matlamat utama bagi pindaan ini dilaksanakan adalah untuk memastikan setiap kanak-kanak di negara ini diberikan peluang dan akses yang sama kepada pendidikan yang berkualiti dari sejak awal umur mereka lagi, yang mana ianya adalah selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Pendidikan dan komitmen di peringkat antarabangsa.

MATLAMAT

Selain itu juga, bagi mewajibkan kanak-kanak bersekolah daripada umur 5 tahun adalah untuk mengukuhkan lagi pendidikan awal kanak-kanak yang merupakan aspek utama dalam membina asas keupayaan kognitif, aspek sosial dan emosi kanak-kanak.

PINDAAN AKTA PENDIDIKAN WAJIB PENGGAL 211,
YANG BERKAITAN DENGAN UMUR WAJIB KANAK-KANAK BERSEKOLAH



PENDAFTARAN

Sepertimana merujuk Surat Pemberitahuan Kementerian Pendidikan bilangan: 06/2023,

5 Tahun+


(a) Bagi kanak-kanak yang akan bersekolah untuk kemasukan ke prasekolah pada awal tahun 2024, mereka hendaklah mencapai umur 5 tahun pada 31 Disember 2023, iaitu lahir sebelum 01 Januari 2019.



(b) Pertimbangan khas bagi yang lahir 01 Januari 2019 dan seterusnya adalah tidak diterima untuk pendaftaran kemasukan prasekolah tahun 2024 (mereka bolehlah mendaftar bagi sesi persekolahan pada tahun seterusnya).



(c) Kemasukan murid-murid bagi tahun 2024 prasekolah akan ditetapkan oleh pihak sekolah masing-masing.



MAKLUMAT LANJUT

Dikesempatan ini, pihak Kementerian Pendidikan sukacita menyeru dan menasihatkan para ibu bapa atau pengaga untuk memberikan kerjasama bagi memastikan anak-anak mereka menghadiri sesi persekolahan bagi memastikan mereka tidak tercincir dalam pembelajaran atau mendapat pendidikan, lebih-lebih lagi mereka yang masih dalam lingkungan umur Akta Pendidikan Wajib.

Sementara itu, mana-mana pelajar yang dalam lingkungan Akta Pendidikan Wajib, iaitu mereka yang berumur 5 hingga 14 tahun (yakni sebelum mencapai 15 tahun), dan yang telah lama tidak menghadiri sesi persekolahan atas sebab-sebab tertentu, pihak Kementerian sentiasa mengalu-alukan mereka untuk mendaftar atau melapor dan menghadiri sesi persekolahan dengan berhubung terus ke sekolah masing-masing atau Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Sekolah-Sekolah.



+673 7413059

Bahagian Hal Ehwal Pelajar,
Tingkat 5,
Jabatan Sekolah-Sekolah
Bangunan Ong Sum Ping
Bandar Seri Begawan

